

ANGGOTA MT: SYARAT BARU

Ahli lebih lima tahun layak

KUALA LUMPUR, Ahad — Cuma anggota-anggota UMNO yang telah menyertai parti lebih daripada lima tahun dibenarkan menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO di masa depan, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, cadangan itu merupakan di antara beberapa pindaan kepada perlembagaan UMNO yang dituluskan oleh Majlis Tertinggi dalam sidang bulanananya di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

Bellau memberitahu para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu bahawa cadangan tersebut akan dibentangkan pada hari terakhir perhimpunan agung UMNO yang akan bermula pada 10 September ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, selain lain pindaan kepada perlembagaan parti adalah "perubahan biasa" untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa dan juga supaya selaras dengan akta perubahan yang berkuatkuasa baru-baru ini.

Melantik

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, mesyuarat hari ini juga membincangkan persiapannya mengadakan perhimpunan agung UMNO September ini.

Majlis Tertinggi telah melantik jawatankuasa penapis usul perhimpunan agung itu dan juga perhimpunan-perhimpunan agung Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO.

Sidang hari ini juga telah memutuskan keputusan jawatankuasa disiplin memutuskan tindakan yang telah diambil terhadap anggota-anggota UMNO yang terlibat dengan berbagai penyelewengan dalam pilihanraya yang baru lepas.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, anggota-anggota Majlis Tertinggi juga mendengar penerangan dari Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie,

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 759
No. Penerimaan 604/SS